

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING
[KULAI]

TARIKH : 18 MEI 2016 (RABU)

SOALAN :

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah keputusan Peguam Negara selepas meneliti kertas siasatan lanjutan oleh pasukan khas PDRM terhadap kematian Teoh Beng Hock.

JAWAPAN: YB HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Peguam Negara, setelah meneliti dan mengkaji kertas siasatan lanjut dan Laporan Pasukan Siasatan Khas terhadap kematian mendiang Teoh Beng Hock, mendapati tiada kesalahan jenayah dilakukan oleh mana-mana pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia berhubung dengan kematian mendiang Teoh Beng Hock.

Sekian terima kasih.